

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 DECEMBER 2016

Malaysia-Sri Lanka setuju mula rundingan perjanjian dagangan bebas

Usaha kukuh kerjasama

Oleh KAMIL MASLIH dan
MUZDALIFAH MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 16 DIS.

MALAYSIA dan Sri Lanka bersetuju untuk meneroka kemungkinan memulakan rundingan perjanjian dagangan bebas dalam usaha menggalakkan perdagangan antara kedua-dua negara.

Perkara itu dipersetujui pada mesyuarat dua hala antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Sri Lanka, Maithripala Sirisena di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Dalam pernyataan bersama yang dikeluarkan sempena lawatan Presiden Sri Lanka itu, Najib dan Sirisena telah mengesahkan komitmen mereka untuk mengukuhkan lagi kerjasama perdagangan dan pelaburan selain bersetuju untuk meningkatkan penglibatan ekonomi bagi manfaat bersama.

Sirisena juga telah memberi jaminan pelabur Malaysia akan menikmati iklim pelaburan yang kondusif di Sri Lanka seterusnya mempelawa mereka untuk

MoU Malaysia-Sri Lanka

Pelancongan

Kerjasama **pembinaan belia**

Rekrut, pekerjaan dan penghantaran pulang pekerja

Kebudayaan, seni dan warisan

Majlis Kajian Polisi Sri Lanka dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengenai kerjasama **kajian saintifik dan teknikal**

melihat secara proaktif peluang pelaburan yang menarik di negara itu.

“Kedua-dua pemimpin komited mengukuhkan perdagangan dua hala dan kerjasama pelaburan dalam usaha meningkatkan hubungan ekonomi untuk manfaat bersama,” jelas kenyataan itu.

Lawatan tiga hari Sirisena dan delegasinya ke Malaysia merupakan kunjungan pertama Presiden itu ke negara ini sejak memegang

UM- 17/12/2016

jawatan tersebut pada Januari tahun lalu.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin dan Duta Khas Malaysia ke India dan Asia Selatan, Datuk Seri S. Samy Vellu.

Najib dan Sirisena hari ini turut menyaksikan majlis menandatangani lima memorandum persefahaman (MoU) melibatkan kedua-dua negara mengenai kerjasama dalam bidang pembangunan belia, kebudayaan, seni dan warisan, pekerja asing serta kerjasama saintifik dan teknikal.

Menurut kenyataan bersama itu, kedua-dua pemimpin juga menyambut baik minat yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat Malaysia untuk menceburi peluang perniagaan yang ditawarkan di Sri Lanka.

Dalam mesyuarat bilateral itu, Najib dan Sirisena turut menyatakan persefahaman mengenai beberapa isu serantau dan antara-bangsa serta berpuas hati dengan penglibatan rapat dan aktif dalam hal ehwal berkenaan.

Dalam hubungan itu, kedua-dua pemimpin menyeru semua

negara supaya menolak keras segala bentuk dan manifestasi keganasan, malah bersedia berkongsi maklumat dan amalan terbaik untuk menangani keganasan sama ada ancaman tradisional mahupun bukan tradisional.

“Kedua-dua pihak mengiktiraf tanggungjawab masing-masing untuk mempromosikan keamanan, pembangunan dan keselamatan di luar rantau ini. Malaysia akan terus mempromosi agenda kesederhanaan, pendekatan perdamaian, menggalakkan operasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), menyokong keamanan di negara-negara berkonflik dan menggalakkan perbincangan berterusan secara menyeluruh mengikut peraturan Majlis Keselamatan PBB,” jelas kenyataan itu.

Kedua-dua pemimpin yang berpuas hati dengan pencapaian kerjasama sebelum ini bertekad menguatkan lagi iltizam untuk meneroka bidang-bidang baharu seperti politik, pelaburan dan perdagangan, pendidikan, pelancongan, sumber manusia, latihan dan hubungan budaya serta hubungan rakyat.